

14/09/1998

PM ucap tahniah kepada pasukan bowling

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengucapkan tahniah kepada pasukan bowling tenpin Malaysia yang berjaya memenangi pingat emas pertama negara dalam temasya Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel ke-XVI (KL '98) di sini, hari ini.

Katanya, atlit negara mesti terus menunjukkan kesungguhan untuk memenangi lebih banyak pingat.

"Kita harap kita akan dapat lagi," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perlawanan ragbi-tujuh-sebelah di antara Malaysia dan Kenya di Stadium Petaling Jaya dekat sini.

Malaysia merangkul pingat emas pertamanya menerusi Kenny Ang dan Ben Heng dalam beregu lelaki acara bowling tenpin di Pyramid Bowl, Bandar Sunway.

Kenny dan Ben mencatat 3,552 jatuhan pin bagi menewaskan Antoine Jones dan Conrad Lister dari Bermuda dengan 223 jatuhan pin manakala pasangan Australia Michael Muir dan Francis Ryan menduduki tempat ketiga dengan 3,229 jatuhan pin.

Terdahulu, pasangan wanita Malaysia Lai Kin Ngoh dan Shalin Zulkifli meraih pingat perak tenpin bowling selepas tewas kepada regu Australia Cara Honeychurch dan Maxim Nable.

Dr Mahathir berkata kesungguhan yang dipamerkan oleh atlit Malaysia membolehkan negara mendapat pingat dalam beberapa acara yang sebelumnya tidak dijangka akan dimenangi.

Kehadiran Dr Mahathir menyaksikan perlawanan ragbi Malaysia dan Kenya itu menyemarakkan lagi semangat pemain Malaysia yang menunjukkan kesungguhan tinggi untuk menundukkan Kenya 19-5.

Dr Mahathir kemudian turun ke padang diiringi Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia, Datuk Zaman Khan, dan bersalaman serta mengucapkan tahniah kepada pasukan Malaysia serta bergambar bersama mereka.

Sebelum menyaksikan perlawanan ragbi, Dr Mahathir menyaksikan acara tenpin bowling di Pyramid Bowl di Bandar Sunway di sini. Beliau menyertai ratusan penyokong Malaysia memberi semangat kepada peserta negara.

Beliau menerima sorakan gemuruh apabila meninggalkan tempat duduk orang kenamaan untuk bersama-sama dengan penyokong di tempat duduk awam.

Pada sebelah pagi, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira tiga jam untuk melawat beberapa kawasan di sekitar Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil di sini.

Beliau serta rombongan tiba di Pusat Skuasy Nasional di sini kira-kira jam 11 pagi untuk meninjau kemudahan sukan yang disediakan di pusat itu sambil beramah-mesra dengan beberapa pemain skuasy negara.

Beliau turut menemui dan mengucapkan tahniah kepada pemenang pingat pertama Malaysia pada Sukan Komanwel ini, Nor Effandy Rosli, yang memenangi pingat perak dalam acara lumba basikal lebuhraya 184 kilometer, semalam.

Dr Mahathir kemudian melawat kawasan gerai di sekitar Stadium Nasional sebelum dibawa menjamu selera di Pusat Makanan Antarabangsa di tengah-tengah kesesakan orang ramai yang mengunjungi kompleks itu.

Turut bersama dalam rombongannya ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

(END)